

Bahagian A: (10 markah)

Pilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.

1. Orang tua itu menebang pokok sena itu dengan se_____ kapak.

bilah
keping
helai
batang

2. Asnida bercita-cita hendak menjadi se_____ biduanita.

bentuk
buah
kaki
orang

3. Ibu membeli se_____ pisang tanduk.

biji
rawan
tandan
bidang

4. Mangsa kemalangan itu hanya menyebut tiga _____ perkataan.

sisir
potong
baris
patah

5. Kakak sedang mencuba se_____ kasut yang diperbuat daripada kulit kerbau.

ulas
pasang
kuntum
butir

Bahagian B: (10 markah)

Pilih peribahasa yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.

1. Hati ibu tua itu hancur _____ mendengarkan cacian anaknya.

seperti hujan jatuh ke pasir
seperti kaca jatuh ke batu
seperti katak di bawah tempurung
seperti aur dengan tebing

2. Kita haruslah membuat sesuatu perkara itu dengan bersungguh-sungguh dan dengan hati yang rela; bukan setakat _____.

malas berdayung perahu hanyut
melepaskan batuk di tangga
menanam tebu di bibir mulut
mencurahkan garam ke laut

3. Ibu bapa harus menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak kerana _____.

berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul
buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali
bagaimana acuan, begitulah kuihnya
berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian

4. Peperangan adalah sesuatu yang merugikan kerana tiada pihak yang menang atau kalah; _____.

jauh bau bunga, dekat bau tahi
kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan
ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis
kalah jadi arang, menang jadi abu

5. Tiap-tiap orang mempunyai keinginan yang berbeza, bak kata pepatah _____.

ke tengah boleh, ke tepi pun boleh
lain dulang lain kakinya, lain orang lain hatinya
masuk telinga kanan, keluar telinga kiri
lembu punya susu, sapi punya nama